



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

---

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **PROGRAM CSR TAUTAN CERIA PUPUK MINAT BERTANI KEPADA KOMUNITI LABUAN**

**LABUAN, 25 Februari 2017** – Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dengan kerjasama Perbadanan Labuan (PL) dan Persatuan Penduduk menganjurkan program bercucuk tanam di bawah program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Tautan Ceria sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017 (SHWP 2017).

YBhg. Datin Seri Datuk Aslinah Binti Mohd. Arifin, isteri Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan mengagihkan sebanyak 277 unit set tanaman kepada peserta yang terlibat iaitu 151 orang dari Kg. Air Patau-Patau I dan 126 orang dari Kg. Air Patau-Patau II. Program pertanian seperti ini diperkenalkan kepada komuniti di WP Labuan bagi membudayakan amalan bercucuk tanam untuk kegunaan sendiri sebagai sumber makanan harian sekaligus membantu menangani kos sara hidup yang tinggi di Labuan.

Antara jenis tanaman yang dibekalkan meliputi anak pokok cili, terung, biji benih sayur bayam dan sawi. Setiap set tanaman mengandungi pasu panjang, pasu bulat, tanah atau top soil termasuk baja buah dan baja subur. Kaedah ini juga sesuai untuk penanaman di ruang yang terhad dan yang paling penting ianya mengindahkan landskap kawasan sekitar dan bebas dari ancaman nyamuk aedes.

KWP telah memperuntukkan sebanyak RM50,000.00 manakala YWP menyumbang sebanyak RM25,000.00 bagi menjayakan program CSR Tautan Ceria di Labuan ini.

Penganjuran program ini bertujuan untuk mendekatkan Kerajaan dengan masyarakat melalui kaedah turun padang (*outreach*) pemimpin untuk mengetahui permasalahan rakyat dalam menghadapi situasi ekonomi global masa kini. Selain itu, melalui program seperti ini dapat mendidik masyarakat untuk bersama-sama menjaga serta memelihara alam sekitar bagi menjadikan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan sebagai *green city*. Malah program ini juga dilihat boleh menjadi landasan untuk mendidik dan memberi pendedahan awal kepada anak-anak mengenai bidang pertanian yang berpotensi tinggi sekiranya diusahakan secara sistematik dan mampu menghasilkan pulangan lumayan serta menjadi sumber pendapatan.

Diharapkan menerusi penganjuran aktiviti kemasyarakatan dan program-program CSR seperti ini akan memberi impak yang besar kepada golongan yang memerlukan di Wilayah Persekutuan khususnya melalui pendekatan mesra rakyat. Ini adalah selaras dengan tema SHWP 2017 iaitu “Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera” untuk menambahkan rasa sayang dan cinta kepada Wilayah Persekutuan serta memastikan kebajikan dan kesejahteraan warganya terus terpelihara.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Labuan  
25 Februari 2017